

Suntikan ekonomi Malaysia-Bosnia

Oleh **BADRUL AZHAR RAHMAN**

HUBUNGAN ekonomi Malaysia-Bosnia dan Herzegovina menerima suntikan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam lawatan beliau selama dua hari di Sarajevo yang berakhir semalam.

Bosnia mempunyai pelbagai potensi dan peluang perniagaan yang belum diterokai tetapi iklim pelaburan dan perniagaan khususnya daripada Malaysia masih belum mencapai tahap yang digalakkan.

Nilai perdagangan Malaysia-Bosnia hanya berjumlah RM6.8 juta pada tahun lalu. Eksport Malaysia meliputi barangan elektrik dan elektronik manakala Bosnia mengeksport barangan aluminium dan perabot.

Dalam ucapannya pada Forum Perniagaan Malaysia-Bosnia, Abdullah mengesyorkan agar peluang-peluang yang ada diterokai segera dan sebarang masalah atau halangan yang berbangkit akan cuba dibantu melalui hubungan kerajaan dengan kerajaan.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai sejarah tamadun yang tinggi, Bosnia yang musnah dalam peperangan baru-baru ini, dijangka bangkit semula. Ini dapat dilihat dari segi pembinaan infrastruktur dan peningkatan gaya hidup masyarakatnya pada masa kini.

Sepanjang 10 tahun lalu, negara ini sudah mula menunjukkan tanda-tanda kebangkitan semula dan ahli-ahli perniagaan Malaysia seharusnya dapat mencium peluang-peluang perniagaan yang ada dengan melipatgandakan penyertaan

mereka dalam projek-projek pembangunan di Bosnia.

Berdasarkan kepakaran yang ada, Malaysia boleh menyertai projek pembinaan lebuh raya, pembinaan stesen jana kuasa elektrik, telekomunikasi, perkhidmatan kesihatan, pelancongan, pendidikan dan perkhidmatan profesional yang lain.

Atas alasan yang sama, Perdana Menteri dalam lawatan ini membawa bersama beliau rombongan besar ahli perniagaan dan korporat dari Malaysia.

Pada forum perniagaan yang diadakan pada 21 Jun lalu, sebanyak 192 perjumpaan ahli perniagaan telah diadakan secara individu. Ini melibatkan penyertaan sebanyak 28 buah syarikat dari Malaysia dan 147 syarikat dari Bosnia.

Dalam pertemuan Abdullah dengan Pengerusi Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina, Nikola Spiric, kedua-dua pihak mengakui kerjasama ekonomi yang ada masih rendah berbanding hubungan rapat yang sedia terjalin antara kerajaan dengan kerajaan.

Malaysia-Bosnia juga bersetuju untuk menimbang rancangan bagi menginstitusikan kerjasama ekonomi yang ada pada perjumpaan akan datang.

Perbincangan lanjut bagi menginstitusikan kerjasama itu dijangka dilakukan semasa lawatan Spiric ke Malaysia pada November ini.

Malaysia juga ditawarkan peluang untuk sama-sama menyertai projek pembinaan lebuh raya bernilai RM14.3 billion yang menghubungkan Sarajevo di Bosnia, Budapest di Hungary dan Ploce di Croatia.